



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 22 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KESUNGGUHAN, MINAT DORONG GRADUAN USAHAKAN 35 EKAR DUSUN DURIAN PREMIUM, NASIOANL, BERITA HARIAN - 9	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	PASTIKAN VARIETI BAHARU SAMPAI KEPADA PESAWAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 2	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
3.	BUKIT MERAH KRITIKAL, PESAWAH RESAH, NEGARA, KOSMO – 14	LAIN-LAIN
4.	PERAK AMONG TOP STATES IN DURIAN PRODUCTION, NATIONAL, THE SUN - 4	
5.	KURANG BEKALAN AIR, PADI BARU DITANAM TERBANTUT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 11	
6.	AKTIVITI MENUBA JEJAS PENTERNAK IKAN SUNGAI BERANG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 29	
7.	IKTIRAF KEBAJIKAN HAIWAN JALANAN, NASIONAL, SINAR HARIAN – 5	
8.	ANIMAL LOVER FINDS NEW BEST FRIEND AT MBBJ EVENT, NATION, THE STAR – 10	
9.	MYCIF CATAT NILAI PELABURAN BERSAMA MELEBIHI RM1 BILION, BISNES, SINAR HARIAN – 23	
10.	ANCAMAN NELAYAN ASING DI PULAU AUR, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 28	
11.	SUHU LAUT MENINGKAT, TERUMBU KARANG PUPUS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 28	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

22/7/2025

BERITA
HARIAN

NASIONAL

9

Kesungguhan, minat dorong graduan usahakan 35 ekar dusun durian premium

Ipbh: Berbekalkan minat yang mendalam dalam bidang pertanian sejak di universiti, graduan Ijazah Sarjana Muda Pemasaran dari Universiti Utara Malaysia (UUM) kini berjaya mengusahakan dusun durian seluas 35 ekar di sekitar Selama.

Zakaria Ibrahim, 35, anak jati Selama membuktikan, bidang pertanian mampu menjadi kerjaya yang lumayan jika diusahakan dengan ilmu dan kesungguhan, sekali gus meneruskan legasi yang dimulakan oleh bapanya.

"Asalnya dusun ini dimulakan oleh ayah saya dengan anggaran lima ekar.

"Selepas tamat pengajian, saya terus fokus untuk mengusahakan dusun ini kerana minat dan sokongan daripada keluarga," katanya kepada BH.

Zakaria berkata, beliau melihat potensi besar dalam penanaman durian premium seperti Musang King, Duri Hitam dan Undang Merah, selain durian kampong premium yang mempunyai permintaan tinggi.

"Alhamdulillah, pada musim

kali ini boleh dikatakan 300 hingga 500 kilogram durian boleh terjual setiap hari.

"Oleh sebab Selama terkenal dengan pelbagai air terjun atau mata air, kita juga bekerjasama dengan pengusaha agropelancongan lain bagi membolehkan pelancong makan durian sambil menikmati keindahan alam di sini," katanya.

Dengan bantuan modal dari pada adik-beradik yang lain, beliau secara berperingkat-peringkat memperluaskan kawasan tanaman sehingga kini mencapai 35 ekar di beberapa lokasi sekitar Selama.

Bapa kepada dua anak itu berkata, beliau sekeluarga turut disokong oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan



Zakaria dinobatkan sebagai johan pada Program Pesta Durian Peringkat Perak, Ahad lalu membuktikan kualiti hasil durian kampung premium diusahakannya. (foto ihsan Zakaria Ibrahim)

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Jabatan Pertanian banyak membantu dari segi ilmu. Mereka hantar saya dan abang ber-kursus selama dua minggu untuk belajar teknik cantuman, pemilihan benih dan pengurusan ladang.

"Mereka juga ada beri bantuan pemasangan sistem paip untuk siraman dan bantuan baja.

"Sementara, FAMA pula membantu memasarkan hasil tanaman pada peringkat awal," katanya.

Hasilkan produk hiliran

Beliau berkata, bantuan itu membuktikan komitmen Jabatan Pertanian Perak selaku agensi peneraju *flagship* Lembah Bakul Makanan (Keterjaminan Makanan) seperti digariskan dalam pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan idea Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Kini, selain menjual buah segar di gerai-gerainya di Kampung Sungai Siputeh dan melalui media sosial, Zakaria turut meng-

hasilkan produk hiliran seperti tempoyak.

Lebih membanggakan, durian kampung premium dari dusunnya dinobatkan sebagai johan dalam Program Pesta Durian Peringkat Perak pada Ahad lalu, membuktikan kualiti hasil tanamannya.

"Saya percaya faktor penjagaan dan kesesuaian tanah di bumi Selama yang subur dan berhampiran air terjun menjadi penyumbang kepada kualiti durian kami," katanya.

2030 PERAK SEJAHTERA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

Pastikan varieti baharu sampai kepada pesawah

MINGGU lalu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), sebuah agensi penyelidikan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memperkenalkan dua varieti baharu padi.

Dinamakan MR CL3 dan MR CL4, varieti terbaharu itu mempunyai daya tahan terhadap beberapa jenis penyakit padi dan mampu menangani isu padi angin iaitu sejenis padi liar yang tumbuh bersama padi yang ditanam dan boleh menjejaskan hasil tanaman. Kelebihan lain varieti terbaharu itu ialah matang dalam masa 99 hari dengan potensi hasil melebihi tujuh tan sehektar.

Jika berdasarkan keluasan tanaman padi di Semenanjung sahaja yang berjumlah hampir 518,000 hektar, sebanyak 3.63 juta tan padi mampu dihasilkan bagi setiap 99 hari atau lebih 18 juta tan jika penanaman lima kali dalam dua tahun dilaksanakan.

Jumlah itu cukup untuk keperluan beras negara, malah isu kehilangan beras tempatan di pasaran juga mungkin tidak pernah wujud.

Tetapi itu perkiraan di atas kertas. Situasi sebenar tidak begitu. Banyak halangan dan pancaroba yang terpaksa dihadapi oleh pesawah dalam proses penanaman padi terutama yang berada di luar kawasan jelapang padi utama.

Tidak sekali dua isu mereka dibangkitkan di pelbagai platform termasuk di Parlimen. Memang ada tindakan, strategi dan inisiatif daripada pihak berkuasa tetapi setakat ini tidak begitu nampak keberkesanannya dan penyelesaian yang menyeluruh.

Sebab itu, selain isu infrastruktur asas dan pengurusan, kementerian terbabit tidak boleh hanya berbangga dengan varieti padi yang baharu yang boleh mengeluarkan hasil tinggi jika hasil penyelidikan itu tidak boleh sampai kepada semua pesawah.

Alangkah baiknya setiap kali ada varieti baharu, pesawah terus ada akses kepada varieti tersebut. Apa yang berlaku ialah pesawah terus merungut dengan kesukaran mendapat bekalan benih apabila tiba musim menanam. Usahkan varieti baharu, yang lama pun belum tentu ada.

Walaupun kita ada puluhan varieti padi sejak 1964 tetapi ramai pesawah terpaksa mencari sendiri benih daripada sumber yang tidak sah berpunca daripada kegagalan pembekal. Lebih malang apabila varieti dari negara luar yang tidak berdaftar menjadi pilihan yang ada.

Lama-kelamaan, apabila pesawah semakin kecewa dengan pelbagai kerenah yang perlu dihadapi, tanah sawah akhirnya bertukar menjadi kawasan perumahan atau yang paling banyak berlaku, bendang terbiar tanpa diusahakan.

Penyelarasan di antara setiap agensi yang terlibat perlu diperkukuhkan. Penyelidikan perlu disusuli dengan tindakan segera daripada agensi yang bertanggungjawab bagi memastikan hasil penyelidikan itu sampai kepada golongan sasaran.

Tidak guna berbangga dengan kejayaan tanaman secara eksperimen jika pesawah tidak mendapat manfaat sepenuhnya. Kalau tanaman secara percubaan terbukti berjaya, sudah tentu kejayaan sama boleh dilakukan di kawasan lain.

Justeru, segerakan pengeluaran benih padi baharu itu secara komersial bagi meningkatkan pengeluaran padi negara, menjamin sekuriti makanan negara dan dalam masa yang sama, membantu pesawah menjana pendapatan yang lebih baik.

Bukit Merah kritikal, pesawah resah

- **Perak bakal berbincang dengan kerajaan Pusat**
- **Jejaskan bekalan air untuk tanaman padi**

Oleh WAT KAMAL ABAS dan FADZIL ZAINOL

BAGAN SERAI – Paras air di Tasik Bukit Merah di sini mencatatkan bacaan 6.19 meter iaitu menyusut ke tahap kritikal akibat fenomena cuaca panas yang melanda sejak sebulan lalu.

Fenomena itu sekali gus menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pesawah padi di empat blok penanaman utama di kawasan terbabit iaitu Blok E, F, G dan H.

Timbalan Pengerusi Persaudaraan Pesawah Malaysia, Azhar Hashim berkata, penyusutan drastik yang berlaku sejak dua minggu lalu itu dikuatir akan menjejaskan bekalan air untuk tanaman padi terutamanya bagi pesawah di kawasan Alor Pongsu, Gunung Semanggol, Selinsing dan Bagan Serai.

"Kebanyakan petak sawah di Blok E kini sudah mula mengalami kekeringan serius. Antara kawasan yang terjejas ialah Parit Haji Ali Alor Pongsu, Parit


ra baharu dan pihaknya telah mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan operasi resort tidak terjejas.

Dalam perkembangan sama, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, kerajaan negeri akan bermesyuarat dengan kerajaan Persekutuan esok bagi membincangkan projek pemindahan air dari Sungai Perak ke Tasik Bukit Merah untuk mengatasi isu itu.

Saarani berkata, pihaknya sangat berharap agar kerajaan Pusat dapat menegerakan projek tersebut ekoran kekerangan Tasik Bukit Merah telah menjejaskan pembekalan air ke sawah padi.

"Pada asalnya permintaan kita hanya khusus untuk mengatasi masalah pengairan di utara negeri Perak. Tetapi apabila ada pembangunan Taman Perindus-trian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) dan permintaan air oleh Pulau Pinang, maka permintaan itu dipakejkan.

"Jadi bukan sahaja pemindahan air dari Sungai Perak ke Tasik Bukit Merah semata-mata, tetapi juga untuk tujuan pembinaan loji rawatan air (LRA) bagi membolehkan air bersih untuk kegunaan KIGIP dan orang di utara Perak, malah lebihannya dijual sebagai terawat kepada Pulau Pinang" katanya.



PARAS air menyusut sejauh 139 meter dari tebing Bukit Merah Laketown Resort menyebabkan segala aktiviti rekreasi air terpaksa dihentikan sementara. – WAT KAMAL ABAS

Simpang Empat, Parit Air Itam 2 dan beberapa bahagian lain di Gunung Semanggol.

"Kami amat bimbang jika penyusutan ini berterusan tanpa sebarang penyelesaian jangka panjang," katanya ketika ditemui

di sini semalam. Justeru, beliau berkata, mereka merayu agar kerajaan mempercepat pelaksanaan Projek Pemindahan Air dari Sungai Perak ke Tasik Bukit Merah sebagai mana yang telah dicadangkan

sebelum ini dan diharapkan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).

Sementara itu, Pengurus Bukit Merah Laketown Resort (BMLR), M. Danesh berkata, penyusutan air tasik tersebut bukan perka-

Perak among top states in durian production

LARUT: Perak emerged as one of the leading durian-producing states in Malaysia, with a production volume of 59,217.3 tonnes worth RM462.28 million in 2024.

Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad said the achievement contributed to the country's agri-food economy and proved Perak's capability in the durian export market.

He said Malaysia exported durians produced in Perak to over 41 countries between 2017 and 2023, with 73% of the export value concentrated in China.

"In 2022, Malaysia's durian export value reached RM1.14 billion, including RM887 million to China, yet demand for varieties such as Musang King, Black Thorn, D24, IOI and Premium Durian Kampung from Perak continues to rise.

"In addition, Topone Solution Sdn Bhd exported 30 containers of durians worth RM20 million in 2024, including five containers of Durian Kampung worth RM1 million, as well as 100 tonnes of Durian Kampung paste worth RM5.25 million."

He said Malaysia began exporting fresh durians to China on Aug 24, 2024, involving 413.61 tonnes worth RM24.84 million, following the phytosanitary agreement between the two countries after official approval was obtained in June last year.

"Since then, Malaysian durians have penetrated 16 key provinces in China and received an overwhelming response as a premium exotic product, with Durian Kampung from Perak gaining global recognition.

"Malaysia's durian export value is expected to reach RM1.8 billion by 2030, with an annual growth rate of between 20% and 25%, driven by advancements in logistics, frozen supply chain technology and downstream product innovation."

He added that the current focus is on widening access to premium Durian Kampung from Perak through branding strategies, quality certification and digital marketing, Bernama reported.

"Durians from Perak are also in demand in Singapore, Hong Kong, the United States and Australia, with the price of Durian Kampung from Malaysia reaching RM29 per 600g, while Musang King is sold for up to RM400 per 2.5kg."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Kurang bekalan air, padi baru ditanam terbantut

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusannews@mediamulia.com.my

BAGAN SERAI: Pesawah di sini berdepan masalah padi yang baru ditanam kira-kira 50 hari terbantut pembesarannya berikutan kekurangan bekalan dari ke sawah disebabkan Tasik Bukit Merah surut akibat musim panas.

Pesawah yang juga Ketua Unit Peladang Kawasan Parit Haji Ali di sini, Muhammad Zaini Saarani berkata, keadaan lebih meruncing jika musim panas berterusan menyebabkan bekalan air ke sawah tidak dapat dibekalkan.

Menurutnya, masalah kekurangan air untuk tanaman padi berlaku setiap tahun apabila musim panas disebabkan penyusutan paras air Tasik Bukit Merah.

"Saya sifatkan situasi yang dihadapi oleh pesawah ketika ini amat kritikal apabila tanaman padi terbantut akibat kekurangan air sedangkan benih sudah ditabur kira-kira 50 hari lalu.

"Sekarang adalah tempoh padi memerlukan banyak air sedangkan bekalan air yang diterima tidak cukup. Mulai dari proses menabur benih sehingga sekarang kami mengalami kekurangan air menyebabkan pembesarannya terjejas.

"Meskipun minggu lalu ada hujan di sini tetapi tidak banyak membantu. Disebabkan



PESAWAH di Bagan Serai menunjukkan petak sawah yang kering di kawasan yang baru ditanam anak padi berikutan kekurangan bekalan air dari Tasik Bukit Merah yang mengalami penyusutan disebabkan musim panas. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

kekurangan air, rumput sudah kembali tumbuh di petak sawah dan menambahkan lagi beban kos kepada kami," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau berkata, pesawah meminta kerajaan menetapkan jadual pelepasan air dengan lebih adil akibat Tasik Bukit Merah kekurangan air ketika ini.

Katanya, pesawah mencadangkan supaya jadual pelepasan air dari Empangan Bukit Merah dibuat sebulan lebih awal bagi membolehkan air sampai ke kawasan mereka dan men-

cukupi untuk semua kawasan terlibat.

"Kami bukan minta lebih, kami hanya mahu bekalan air yang cukup untuk menyelamatkan padi terutama ketika baru ditanam. Bayangkan enam musim kami gagal menuai padi, kos tetap keluar tapi hasil tiada," katanya.

Seorang lagi pesawah, Mohd. Nazri Abu Bakar, 52, berkata, masalah yang dihadapi tidak akan selesai selagi tiada penyelesaian jangka panjang iaitu pelaksanaan projek penyaluran air mentah dari

Sungai Perak ke Tasik Bukit Merah yang diumumkan kerajaan sebelum ini.

"Kami melihat hanya projek pemindahan air dari Sungai Perak ke Tasik Bukit Merah sebagai penyelesaian masalah kekurangan air di sini dan berharap projek itu segera dilaksanakan," katanya.

Pada Jun tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan perbelanjaan kira-kira RM4 bilion bagi pelaksanaan projek penyaluran air mentah dari Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah di sini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Aktiviti menuba jejas penternak ikan Sungai Berang

HULU TERENGGANU: Penternak ikan dan penduduk di Kampung Tanjung Putat, di sini kesal dengan tindakan individu tidak bertanggungjawab yang menuba ikan di kawasan Sungai Berang sehingga menjejaskan pendapatan mereka.

Mereka mendakwa, perbuatan itu semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini dan dikhuatiri bukan sahaja menjejaskan sumber rezeki penduduk tetapi memberi kesan kepada ekosistem sungai.

Seorang penduduk, Ahmad Sulaiman, 70, berkata, kegiatan

menuba di Sungai Berang bukanlah perkara baharu namun kembali menjadi-jadi sejak tiga minggu lalu.

"Saya melihat sendiri ikan-ikan di sungai ini mati dan timbul di permukaan air akibat kegiatan menuba. Biasanya kegiatan menuba dibuat semasa air cetek. Kegiatan ini menyebabkan ikan berkurangan dan ekosistem sungai terganggu," katanya ketika ditemui di Kampung Tanjung Putat.

Seorang penternak ikan air tawar, Baharuddin Mat Ali, 65, berkata, dia bimbang perbuatan

menuba secara berleluasa memberi kesan yang lebih buruk terhadap ternakan ikan tilapia dalam tangki yang diusahakannya sejak tiga tahun lalu.

Katanya, dia menyedari wujudnya kegiatan tersebut setelah mendapati ternakannya mati secara tiba-tiba selepas melihat ikan-ikan sungai juga terapung di sekitar kawasan itu.

"Kita tidak tahu individu mana yang melakukan kegiatan ini, tetapi kesannya boleh nampak apabila ikan mati dan ternakan saya turut terjejas," katanya.



PROJEK ternakan ikan antara yang berisiko terjejas sekiranya kegiatan menuba di Sungai Berang, Hulu Terengganu terus berleluasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Iktiraf kebajikan haiwan jalanan

KUANTAN – Aktivis haiwan berharap kerajaan memasukkan isu kebajikan haiwan jalanan dalam perancangan RMK13.

Pengerusi Kelab Sahabat Kucing Jalanan Pahang, Jurina Abdul Rani berkata, usaha pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) haiwan bukan sekadar menjaga haiwan tetapi juga memelihara nilai kemanusiaan dalam masyarakat.

“Harapan kami supaya Program TNRM (Tangkap, Neuter, Return, Monitor) dijadikan dasar nasional bukan hanya projek perintis dan setiap negeri ada pusat perlindungan haiwan yang lengkap serta sah.

“Penjagaan haiwan wajar dimasukkan dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan



JURINA



NOR AZLINDA

Vokasional (TVET) dan program sosial B40 selain mewujudkan protokol rasmi kerjasama antara NGO, pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Veterinar,” katanya.

Sementara itu, usahawan wanita, Nor Azlinda Ahmad, 48, berharap RMK13 memberi perhatian kepada wanita dan peniaga kecil.

“Ramai wanita bukan saja jaga keluarga tapi juga berniaga untuk tambah pendapatan.

“Sokongan seperti geran khas, latihan digital dan pembiayaan tanpa birokrasi sangat penting bagi memastikan golongan ini terus maju dan membantu ekonomi keluarga,” ujarnya yang menjalankan perniagaan pembantu rumah, kelas renang wanita dan rumah inap desa.

Animal lover finds new best friend at MBBB event

Story and photos

by MYSARA FAUZI

newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: Three years after losing his two beloved dogs Stripe and Lucky, Chua Kah Lun has opened his heart to a new pet.

The 36-year-old said the two canines had been with him for over a decade and passed away just months apart, at the age of 13 and 14 respectively.

"Their absence left a void in our lives. Stripe and Lucky were not just my companions, they were a part of my parents' lives too.

"Our house felt unbearably quiet after they passed away. Taking in a new dog would ease our longing," he said when met at a stray dog adoption programme organised by the Johor Baru City Council (MBJB) in Plentong on



Paws in need: Haffiz (fifth from left) looking at dogs for adoption during the event in Plentong, Johor Baru; where (inset) Chua adopted a new dog.

Sunday.

"Strays deserve to be loved too. They need a family to care for them and provide them a safe

place to live," said Chua, who also has two cats and is fostering three others at a rescue shelter.

At the event, he met the 20 dogs

up for adoption, carefully interacting with each of them.

His eyes fell on a calm-looking black dog.

"This cute little fellow will be my new friend. It reminds me of Lucky and Stripe, who were also gentle and affectionate," he said.

Chua said the adoption, which includes vaccination and neutering, is free.

The event also featured a Most Beautiful Dog contest, where six canines competed for the title.

Housewife Sylvia Kusuma beamed with pride when her eight-year-old English bulldog, named Chocolate, won third place in the contest.

Despite its stocky build and serious expression, Chocolate charmed the judges with its laid-back and comical personality.

"I have had Chocolate since he was a puppy. We have been together for eight years.

"He is very lazy and sleeps most of the time. The time he becomes active is during meals," said the 35-year-old.

MBJB mayor Datuk Mohd Haffiz Ahmad said stray dog issues remain a major concern among city dwellers.

He said as of June, the council had captured 2,034 stray dogs.

He revealed that the Housing and Local Government Ministry had allocated RM10,000 for the Stray Animal Management Campaign 2025, which includes public awareness programmes, licensing advocacy and adoption opportunities.

Mohd Haffiz said capturing stray dogs and putting them up for adoption could help prevent diseases like rabies, leptospirosis and salmonella from spreading.

He said the council had neutered 850 strays in four phases since last year.

MyCIF catat nilai pelaburan bersama melebihi RM1 bilion

KUALA LUMPUR - Jumlah pelaburan bersama Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF) mencecah RM1.19 bilion pada akhir 2024, dengan RM264 juta dilaburkan pada 2024 sahaja.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menjelaskan, MyCIF telah menarik 4.1 kali ganda pembiayaan sektor swasta bagi setiap ringgit dilaburkan, menunjukkan kesan galakan pelaburan ketara dan seterusnya mencatatkan peningkatan jumlah pelaburan swasta sebanyak 21.4 peratus.

"RM1.19 bilion pelaburan bersama oleh MyCIF adalah bersamaan dengan 4.6 kali ganda daripada jumlah dana RM260 juta yang dikeluarkan daripada kerajaan sehingga kini ke dalam program itu, menunjukkan penggunaan dana awam yang cekap," jelasnya dalam kenyataan pada Isnin.

MyCIF yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan di bawah Belanjawan 2019 telah menjadi pamacu utama dalam landskap pembiayaan, menggunakan platform pendanaan ramai berassakan ekuiti (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (pembiayaan P2P) untuk menyalurkan dana kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

SC memaklumkan, sebagai tambahan kepada pelaburan bersama Skim Am 1:4, MyCIF terus memperkukuh segmen ekonomi yang strategik dan kurang mendapat perkhidmatan melalui skim yang disasarkan.

Ini termasuk Skim



SC menjelaskan bahawa MyCIF telah menarik 4.1 kali ganda pembiayaan sektor swasta bagi setiap ringgit yang dilaburkan.

nurut SC.

Mengikut Belanjawan 2025, MyCIF telah memperuntukkan sehingga RM40 juta untuk mempromosikan pembiayaan perkongsian risiko Islam yang inovatif melalui platform ECF dan P2P, tambah suruhanjaya itu.

"Peruntukan ini melengkapkan skim MyCIF sedia ada dan bertujuan menggalakkan penggunaan struktur pembiayaan Islam (konsep Musharakah dan Mudharabah) lebih besar.

"MyCIF akan melabur pada asas kerugian pertama dalam kempen ECF dan P2P berdasarkan model perkongsian risiko Islam; dan bagi kempen P2P, MyCIF juga akan melabur pada kadar pembiayaan sifar peratus," tambah SC. - Bernama

Keterjaminan Makanan dan Perumahan Alam Sekitar & Sosial RM7 juta pada 2024 daripada RM3.4 juta pada 2023, mencerminkan komitmen MyCIF yang diperkukuh terhadap bidang pelaburan yang disasarkan," me-

laburan bersama dalam

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28



PONDOK polis yang terletak di Kampung Berhala, Pulau Aur, Johor yang hanya menempatkan dua anggota polis untuk menjaga keselamatan pulau berkenaan.

Ancaman nelayan asing di Pulau Aur

Oleh **MASTURAH SURADI**
utusannews@mediamula.com.my

MERSING: Seramai 128 penduduk Pulau Aur yang merupakan penempatan paling jauh di perairan daerah ini bimbang dengan keselamatan mereka, setiap kali musim tengkujuh kerana kawasan itu menjadi tumpuan nelayan asing berlindung daripada angin kencang.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Pulau Aur, Sabinah Md. Seth berkata, pulau berkenaan akan terputus hubungan dengan tanah besar akibat keadaan laut bergelora serta angin kuat yang menyebabkan pengangkutan terhenti sepenuhnya.

“Namun, bantuan bekalan makanan telah diagihkan lebih awal oleh pejabat daerah dan pihak-pihak lain. Masalah timbul apabila nelayan asing, termasuk dari Thailand datang berteduh di kawasan ini.

“Ada yang datang sehelai sepinggang, masuk kampung, ambil makanan, ceroboh rumah orang,” katanya ketika ditemui di Kampung Berhala.

Keadaan itu mencetuskan kebimbangan penduduk tentang keselamatan diri dan keluarga kerana hanya dua anggota polis ditempatkan di Kampung Berhala.

“Kalau mereka nak ke pulau-pulau berhampiran pun tak boleh sebab tiada bot besar. Sebab itu, kami mohon kerajaan pertim-

bang wujudkan pos keselamatan tetap di sini.

“Kami harap agensi seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) atau Jabatan Laut dapat buka pos tetap untuk bantu keselamatan penduduk,” katanya.

Katanya, jumlah penduduk boleh mencecah lebih 500 orang pada cuti sekolah atau musim buah-buahan apabila penduduk asal pulang ke kampung halaman.

“Mereka berhijrah pun sebab nak sekolahkan anak atau cari kerja. Tapi kampung tetap kampung, bila cuti semua balik. Jadi kami harap sangat keselamatan di sini diberi perhatian, terutamanya ketika musim tengkujuh,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

AFFENDI
Yang Amri
menunjukkan
data satelit
keadaan suhu
air laut yang
menjadi lebih
merah akibat
pemanasan
global ketika
Program
Rehabilitasi
Terumbu
Karang 2025
di Pulau Aur,
Mersing, Johor.



Suhu laut meningkat, terumbu karang pupus

MERSING: Terumbu karang yang menghiasi dasar laut negara bukan sekadar tarikan pelancongan atau perhiasan semula jadi, sebaliknya menjadi nadi ekosistem marin dan tonggak keselamatan makanan negara.

Kebanyakannya kini dalam keadaan tenat, ekoran kepanasan air laut yang semakin ekstrem akibat perubahan iklim global, malah para saintis memberi amaran terumbu karang bakal pupus menjelang 2050 jika tiada tindakan diambil.

Pegawai Penyelidik Institut Sains Samudera dan Bumi Universiti Malaya (UM), Dr. Affendi Yang Amri berkata, situasi itu amat genting dan mencemaskan.

Beliau yang lebih 30 tahun mengkaji ekosistem laut berkata, data satelit menunjukkan suhu air laut di seluruh dunia merekodkan peningkatan lebih tinggi daripada suhu normal yang pernah dicatatkan.

"Kawasan Artik yang sepatutnya dingin semakin panas. Ini semua petanda bahawa laut

semakin tertekan dan ini menyebabkan fenomena kelunturan terumbu karang atau *coral bleaching* semakin kerap berlaku dengan karang kehilangan alga yang hidup bersamanya, lalu menjadi putih dan akhirnya mati akibat kelaparan," katanya ketika ditemui pada Program Rehabilitasi Terumbu Karang 2025 di Pulau Aur di sini.

Dr. Affendi berkata, ramai yang menyangka terumbu karang ialah batu, namun sebaliknya ia haiwan yang mempunyai hubungan simbiotik dengan alga.